



PERTANDINGAN VIDEO PENDEK KELESTARIAN ANGKASA BERTEMAKAN “LINDUNGI ALAM SEMESTA” SEMPENA MINGGU ANGKASA SEDUNIA 2022

A. MAKLUMAT PERTANDINGAN

1. Pertandingan Video Pendek Sempena Minggu Angkasa Sedunia 2022 anjuran bersama Planetarium Negara Kuala Lumpur dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah.
2. Tempoh pertandingan ini adalah bermula dari 12 April 2022 hingga 31 Ogos 2022.
3. Pertandingan video pendek Kelestarian Angkasa ini bertemakan “Lindungi Alam Semesta”.
4. Skop video pendek ini merangkumi perkara di bawah:
 - (i) **Kelestarian jangka masa panjang di angkasa lepas (*Long term space sustainability of space itself*)**
 - a. Penjelajahan /penerokaan angkasa lepas yang lestari
 - b. Pengurusan isu sampah angkasa di orbit (*space debris/space junk*)
 - c. Pengurusan satelit di orbit seperti isu kesesakan di orbit, kaedah menguruskan satelit yang telah hampir tempoh hayatnya (*End of Life disposal of satellite, EoL*) dengan matlamat mengekalkan persekitaran angkasa yang lestari
 - d. Pengurusan keselamatan pengoperasian angkasa (*safety of space operation*)
 - e. Perlindungan kepada planet/bulan daripada tercemar dengan penerokaan berterusan manusia ke angkasa lepas pada masa kini dan hadapan
 - f. Pengurusan penggunaan teknologi nuklear sebagai bahan bakar (*propellant*) untuk *deep space exploration*
 - (ii) **Kelestarian di Bumi – Bagaimana menggunakan teknologi angkasa untuk kelestarian Bumi (*How to use space for sustainability of the earth*)**
 - a. Penggunaan satelit:
 - Penderiaan Bumi untuk kelestarian Bumi seperti untuk pemantauan perubahan cuaca Bumi, pengurusan bencana dan pengurusan Bumi umumnya dari angkasa lepas,
 - komunikasi untuk tujuan telekomunikasi, penyiaran dan lain-lain lagi

- navigasi untuk penentuan dan penentuan masa yang jitu (*positioning & timing*)
- b. Kesan hubungan “Matahari-Bumi” kepada sistem teknologi dan kehidupan di Bumi (Kesan cuaca angkasa (*space weather*) kepada teknologi harian manusia)
- c. Pelancaran satelit mikro (kecil) yang terlalu banyak di Orbit Rendah Bumi boleh menjejaskan aktiviti astronomi (*disturbance to optical & radio astronomy activities on Earth*). Ianya meliputi isu seperti pencemaran cahaya dan frekuensi

(iii) Lain-lain

- a. Kesan Rumah Hijau di Planet Venus yang mungkin boleh menjadi pedoman kepada Bumi khususnya mengenai kesan perubahan iklim
- b. Polisi dan perundangan (*policy & regulation issue*). Ianya meliputi keperluan kerjasama antarabangsa untuk memastikan isu kelestarian jangka masa panjang penerokaan manusia di angkasa lepas termasuk kolonisasi manusia di planet lain ataupun perlombongan angkasa pada masa depan
- c. Lain-lain isu saintifik & teknikal (R&D)

B. KELAYAKAN PERTANDINGAN

1. Pertandingan ini terbuka kepada dua kategori seperti berikut:
 - i. Sekolah Menengah dan
 - ii. Pra-Universiti dan Institut Pengajian Tinggi

C. TERMA DAN SYARAT PERTANDINGAN

1. Penyertaan adalah percuma.
2. Penyertaan dibenarkan secara individu atau berkumpulan.
3. Produksi mestilah karya asli peserta dan tidak pernah menyertai mana-mana pertandingan.
4. Pihak penganjur tidak bertanggungjawab untuk menanggung sebarang kos ataupun kerugian yang ditanggung oleh peserta.
5. TIDAK DIBENARKAN menyentuh sensitiviti kaum, agama serta politik dalam pembikinan video pendek ini.
6. Video yang dihasilkan perlulah berdurasi 3-5 minit.
7. Peserta dibenarkan menghasilkan video sama ada:-
 - Bahasa Melayu atau
 - Bahasa Inggeris
8. Video yang dihasilkan perlu mempunyai kualiti visual serta audio yang baik, jelas, memenuhi syarat minimum format penerbitan *full high-definition HD(Youtube)* dan mempunyai spesifikasi berikut:

- i. 1080p (FullHD-Youtube)
 - ii. MP4/MOV
 - iii. Resolusi 16:9
9. Semua bahan yang digunakan mestilah tidak melanggar hakcipta. Sekira ini berlaku, pihak penganjur berhak untuk membatalkan penyertaan.
 10. Entri video mesti mengandungi “Pertandingan Video Pendek Kelestarian Angkasa bertemakan “Lindungi Alam Semesta”.
 11. Setiap video perlu mempunyai logo Planetarium Negara dan Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi Sabah di akhir video.

D. TUNTUTAN HAK CIPTA

1. Kesemua video pemenang adalah menjadi hak milik penganjur.
2. Pihak penganjur berhak untuk menerbitkan, mengeluarkan, memapar, mengedar, menyunting dan menayangkan video pemenang di media sosial untuk tujuan pembudayaan dan pendidikan. Video yang digunakan akan dikreditkan kepada pemilik karya.
3. Video yang telah layak dipilih akan dimuatnaik di Facebook rasmi Planetarium Negara dan Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi Sabah bagi kategori Video Istimewa dimana pihak penganjur akan meletakkan tera air (*watermark*) logo penganjur untuk menilai jumlah perkongsian (*share*) dan *like* di Laman Facebook tersebut.

E. Hadiah

1. Tawaran hadiah bagi setiap pemenang adalah seperti berikut:
 - i. Kategori Sekolah Menengah:
 - a. Hadiah Tempat Pertama : RM3,000
 - b. Hadiah Tempat Kedua : RM1,500
 - c. Hadiah Tempat Ketiga : RM1,000
 - d. Hadiah Khas Istimewa: RM500 dan Sijil Penyertaan
 - ii. Kategori Pra-Universiti dan Institut Pengajian Tinggi:
 - a. Hadiah Tempat Pertama : RM5,000
 - b. Hadiah Tempat Kedua : RM3,000
 - c. Hadiah Tempat Ketiga : RM1,500
 - d. Hadiah Khas Istimewa : RM500.00 dan Sijil Penyertaan*

*Semua peserta akan diberikan Sijil Penyertaan

** Hadiah Khas (Video) Istimewa merupakan kategori baharu yang diperkenalkan iaitu video yang paling banyak mendapat perkongsian (Share) di Laman Facebook Planetarium Negara dan Kementerian Sains, Teknologi & Inovasi Sabah akan diberikan hadiah ini. Tempoh untuk kategori ini dijalankan adalah selama satu minggu selepas tarikh tutup penyertaan.*

2. Keputusan hakim adalah MUKTAMAD.
3. Pemenang akan dihubungi melalui surat rasmi, telefon atau emel.

F. TEMPOH PERTANDINGAN


1. Tarikh Tutup Pertandingan: 31 OGOS 2022
2. Peserta perlu mengisi borang penyertaan secara dalam talian melalui QR Code yang disediakan di poster rasmi Pertandingan Video Pendek Kelestarian Angkasa Bertemakan Lindungi Alam Semesta di laman *Facebook* rasmi Planetarium Negara dan Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi Sabah.
3. Peserta perlu menghantar hasil video pendek dan Lampiran A melalui pautan borang yang diterima di email pendaftaran.
4. Pihak penganjur berhak menolak penyertaan yang tidak lengkap dan penyertaan yang tiba lewat dari tarikh tutup pertandingan.

G. PENDAFTARAN PERTANDINGAN

Sila click pautan berikut:

https://docs.google.com/forms/d/e/1FAIpQLSdzL6v2BZgB-0cqWBZB_s1q3Q9eUXGwKPPV2fTAZJE81hg7nA/viewform?usp=pp_url

atau Scan QR Code untuk pendaftaran Pertandingan Video Pendek Kelestarian Angkasa bertemakan Lindungi Alam Semesta sempena *Minggu Angkasa Sedunia 2022*.



H. PERHUBUNGAN

1. Maklumat lanjut mengenai pertandingan ini, boleh menghubungi:
Urusetia,
Pertandingan Drama Pendek bertemakan Kelestarian Angkasa
Planetarium Negara
Email: dramaangkasa@planet.gov.my